

**'Polis akan siasat laporan terhadap Tun M'**  
**Astro Awani**  
**April 13, 2015**

**KUALA LUMPUR:** Laporan polis yang dibuat orang ramai terhadap mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad akan disiasat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar membuat kenyataan itu sambil berkata tidak ada individu yang dikecualikan daripada tindakan undang-undang, lapor portal *The Rakyat Post*.

"Polis akan bertindak adil. Tidak ada sesiapa pun yang dikecualikan daripada undang-undang.

"Biasanya, jika terdapat laporan, polis akan menyiasat mereka," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini pada Isnin.

Pertubuhan Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM) pada 8 April melancarkan satu siri laporan polis terhadap Dr Mahathir di atas dakwaan menghasut.

Antara cawangan SAMM yang berbuat demikian termasuk Pahang, Selangor dan Pulau Pinang.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2015 (535275-D). All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-akan-siasat-laporan-terhadap-tun-m-57788>